

KENYATAAN DATUK BANDAR

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

MESYUARAT MAJLIS PENUH

24 OGOS 2021

1. PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2021

Bersempena Hari Ulang Tahun Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang tahun 2021, Tuan Yang Terutama Tun berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri kepada mereka yang telah berjasa kepada Negara / Negeri dalam apa jua lapangan.

Tahniah diucapkan kepada Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, pegawai dan kakitangan MBSP atas kurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021.

**Senarai Penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat
Kehormatan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2021**

Bil	Nama	Jawatan	Jabatan	Pingat
1	Encik Galaimani A/L Subramaniam	Ahli Majlis	-	Pingat Kelakuan Terpuji (PKT)
2	Ir Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod	Setiausaha Bandaraya	Khidmat Pengurusan	Darjah Johan Negeri (DJN)
3	Tuan Hj Baderul Amin Bin Abdul Hamid	Pengarah	Kejuruteraan	Darjah Johan Negeri (DJN)
4	Encik Mohd Ibrahim Bin Md Nor	Pengarah	Perkhidmatan Kesihatan	Bintang Cemerlang Negeri (BCN)
5	Encik Wan Junaidy Bin Yahaya	Pengarah	Korporat Dan Perhubungan Antarabangsa	Bintang Cemerlang Negeri (BCN)
6	Puan Norhayati Binti Sulaiman	Pengarah	Kemasyarakatan	Pingat Kelakuan Terpuji (PKT)
7	Encik Mohd Hairol Bin Man	Timbalan Pengarah	Khidmat Pengurusan	Pingat Kelakuan Terpuji (PKT)
8	Puan Rosilah Binti Abd Rashid	Timbalan Pengarah	Undang-Undang	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
9	Puan Nor Asmiza Binti Ahmad	Pembantu Tadbir Kanan	Khidmat Pengurusan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
10	Encik Badrulhisham Bin Othman	Pembantu Tadbir	Khidmat Pengurusan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
11	Encik Mogan A/L Subramaniam	Pemandu Kenderaan	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
12	Encik Jaganathan A/L Narthamuthu	Pemandu Kenderaan	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
13	Encik Noordin Bin Sulong	Pembantu Penguatkuasa Kanan	Direktorat Penguatkuasaan	Pingat Bakti Setia (PBS)

2. TARIKH AKHIR PROMOSI “JOM MENANG WANG TUNAI: BAYAR CUKAI SECARA ONLINE BAGI PENGGAL KEDUA TAHUN 2021”

Adalah dimaklumkan bahawa promosi “**JOM MENANG WANG TUNAI, BAYAR CUKAI SECARA ONLINE BAGI BIL PENGGAL KEDUA TAHUN 2021**” telah bermula pada 1 Julai 2021 dan akan tamat pada 31 Ogos 2021.

Promosi ini adalah sebagai insentif dan galakan berterusan kepada warga Seberang Perai supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran yang telah disediakan secara dalam talian (online), agensi yang dilantik atau kiosk. Sebanyak lima (5) hadiah cabutan bertuah yang lumayan telah disediakan adalah seperti berikut :

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-5	Wang Tunai RM1,000

Saya menyeru kepada semua pemilik premis yang belum membuat bayaran agar segera membuat bayaran cukai taksiran penggal kedua bagi tahun 2021 berserta tunggakan (jika ada) secara *online*, bagi melayakkan anda terpilih untuk menyertai cabutan bertuah. Jangan lepaskan peluang keemasan ini.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat, sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696** atau e-mail di waran@mbsp.gov.my

3. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 1 SEPTEMBER 2021

Dimaklumkan bahawa 31 Ogos 2021 (Selasa) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi penggal kedua tahun 2021. Mulai 1 September 2021, caj denda Notis E taksiran sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas setiap akaun pemilik premis yang gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang ditetapkan. Diharapkan pemilik premis yang belum menjelaskan cukai taksiran agar membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**.

MBSP menggalakkan kesemua transaksi bayaran di buat secara *online* atau melalui agensi kutipan yang dilantik serta di kiosk

Paylink Global. Pembayaran juga boleh dibuat di semua kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda, Kaunter Cawangan Kg. Jawa Butterworth dan Kaunter Cawangan Jawi. Senarai lengkap saluran pembayaran boleh didapati dengan melayari <https://www.mbsp.gov.my> (Search: **saluran pembayaran cukai kadaran**)

MBSP berharap pemilik premis segera menjelaskan cukai taksiran yang mana ianya amat diperlukan bagi memastikan kelangsungan MBSP dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Seberang Perai pada setiap masa walaupun dalam wabak Covid 19 yang sedang melanda ketika ini.

Tema

4. SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE) DEMI MEMERANGI COVID-19

Diingatkan seluruh kakitangan MBSP dan seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) dan amalkan norma baharu setiap masa bagi

membendung penularan Covid-19. Kita masih berada dalam Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Kerajaan juga telah bersetuju membenarkan aktiviti makan di kedai atau “dine-in” bagi individu lengkap vaksin di negeri Fasa 2. Jangan alpa dan lalai dengan kelonggaran dan kebebasan yang diberikan sekarang. Perjuangan menghadapi cabaran Covid-19 masih belum selesai, saya menyeru sekali lagi, penduduk Seberang Perai mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan supaya kita kekal sihat.

5. SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA

Dimaklumkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September, pada setiap tahun untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia di mana Sabah dan Sarawak telah menyertai Malaysia pada 1963. 16 September 2021 merupakan hari Khamis dan hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang.

6. SELAMAT MENYAMBUT HARI BANDARAYA

Dimaklumkan pada 16 September 2021, Majlis Bandaraya Seberang Perai akan menyambut Hari Bandaraya yang Ke-2. Majlis Perbandaran Seberang Perai secara rasminya dinaik taraf dan dikenali Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 16 September 2021. MBSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ke-15 diiktiraf sebagai Majlis Bandaraya di Negara ini.

7. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN

YANG KE-64

Tema “Malaysia Prihatin” sekali lagi dikekalkan sebagai tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini. Logo berbentuk hati dengan warna Jalur Gemilang, melambangkan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang berbilang kaum tabah dalam mendepani cabaran pandemik Covid-19.

“Malaysia” membawa pengertian seluruh rakyat Malaysia berganding bahu memerangi pandemik COVID -19, sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan mahupun orang perseorangan. “Prihatin” pula mewakili keprihatinan kerajaan

dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat melalui inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan serta kelangsungan hidup rakyat Malaysia. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-64 pada 31 Ogos 2021 (Selasa) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

SEKIAN, TERIMA KASIH.